

PENGUASAAN PENGETAHUAN KONTEN: PENCAPAIAN PELAJAR SAINS SUKAN TINGKATAN ENAM DI NEGERI KEDAH

***Saidil Mazlan Abdul Razak¹, Gunathevan Elumalai¹, Junaidy Mohamad Hashim², Norliza
Abdullah³**

¹Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

²Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim

³SMK Tunku Temenggung

*Corresponding author's email: saidilmazlan@gmail.com

Submission date: 15 Feb 2018

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 20 May 2018

Abstract

This study aims to identify a basic knowledge level of sport science contents among Form Six students. The study involves the Form Six Sports Science students in one of the schools in Kedah. The selection of the students to be enrolled in Sports Science course depending on the students' preference and there is no mechanism used by teachers in determining the selection. Therefore, this study aims to identify the level of basic knowledge acquired by the new Sport Science students who have chosen the course. There were 21 students (8 boys and 13 girls) regarded as the samples of this study. Samples were selected using a simple random sampling method. This study was conducted using the Sports Science Basic Knowledge Content instrument in the form of multiple answers choices. Validity value $r = .93$. This instrument covers four areas of sports science namely the Sports Science, Anatomy and Physiology Introduction, Physical Fitness and Sports Coaching. Each question was analyzed using the Difficulty Index and shows value of $d = .60$. Descriptive analysis showed that the Form Six Sports Science male students of 3 students or 32.5% were at good level. 5 students at a very good level representing 62.5%. Meanwhile, for girls, 1 person is at an very good level or 7.7%. The good level was represented by 7 students or 53.8% and a total of 5 students or 38.5% represented a moderate level. The findings of the study was using statistical analysis of t-test inference showed significant differences between men and women as a whole $t(49) = 3.153$, $p = .003$, $p < 0.05$ was significant. Test results showed that there is a significant difference in the level of achievement of the basic knowledge of the overall sport science content amongst male students ($M = 45.33$, $SD = 7.51$) with female students ($M = 37.68$, $SD = 9.42$). This finding is expected to help the students and teachers in ensuring the students to have a basic knowledge of sports science content before being given the option to enroll in the Form Six sports science course, therefore producing quality students.

Keywords : basic knowledge content, Form Six, Sport Science student and Cognitive instrument

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan pengetahuan asas konten sains sukan pelajar sains sukan Tingkatan Enam mengikut jantina di salah sebuah sekolah Tingkatan Enam di Negeri Kedah. Pemilihan pelajar ke jurusan sains sukan Tingkatan Enam adalah bergantung kepada pelajar dan tiada satu mekanisme yang digunakan oleh guru-guru dalam menentukan pemilihan tersebut. Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti tahap penguasaan asas konten Sains Sukan pelajar baru yang memilih jurusan Sains Sukan Tingkatan Enam. Sampel kajian terdiri daripada 21 pelajar (8 pelajar lelaki dan 13 pelajar perempuan). Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kajian ini dijalankan menggunakan instrumen Pengetahuan Asas Konten Sains Sukan berbentuk soalan objektif aneka pilihan jawapan. Nilai kesahan kandungan $r = .93$. Instrumen ini meliputi empat bidang dalam sains sukan iaitu Pengenalan Sains Sukan, Anatomi dan Fisiologi, Kecergasan Fizikal dan Kejurulatihan Sukan. Analisis instrumen setiap soalan dianalisis menggunakan Indeks Kesukaran dan menunjukkan nilai kesukaran $d = .60$. Analisis deskriptif menunjukkan pelajar lelaki Sains Sukan Tingkatan Enam seramai 3 orang pelajar atau 32.5% berada pada tahap baik. 5 orang pelajar pada tahap sangat baik yang mewakili 62.5%. Manakala bagi pelajar perempuan, 1 orang berada pada tahap sangat baik atau 7.7%. Tahap baik pula diwakili oleh 7 orang pelajar atau 53.8% dan seramai 5 orang pelajar atau 38.5% mewakili tahap sederhana. Dapatan kajian menggunakan analisis statistik inferensi ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan secara keseluruhan $t(49) = 3.153$, $p = .003$, $p < 0.05$ adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian pengetahuan asas konten sains sukan secara keseluruhan di antara pelajar lelaki ($M = 45.33$, $SD = 7.51$) dengan pelajar perempuan sains sukan Tingkatan Enam ($M = 37.68$, $SD = 9.42$). Dapatan ini diharapkan dapat membantu pelajar dan juga guru dalam memastikan pelajar ini mempunyai pengetahuan asas konten sains sukan sebelum diberi pilihan untuk masuk ke jurusan sains sukan Tingkatan Enam dalam melahirkan pelajar yang berkualiti.

Kata kunci: pengetahuan asas konten, Tingkatan Enam, pelajar Sains Sukan, instrumen Kognitif

1.0 PENGENALAN

Pelbagai kemajuan dalam bidang pendidikan dapat di capai melalui peningkatan pencapaian akademik dan juga pengurangan dalam keciciran pembelajaran di semua peringkat pendidikan. (Junaidy Mohamad Hashim, Syed Ahmad Ezahar Syed Ambon, Mohd Foazi Md Nor, & Saidil Mazlan Abdul Razak, 2017). Pencapaian ini termasuklah kebolehan pelajar untuk meneruskan pengajian di peringkat Tingkatan Enam. Tahap pendidikan di Tingkatan Enam merupakan kesinambungan pembelajaran dalam sistem persekolahan yang tertinggi di Malaysia setelah pelajar menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Persekolahan di Tingkatan Enam mengambil masa selama setahun setengah yang dibahagikan kepada tiga penggal iaitu penggal 1 bermula bulan antara bulan Mei hingga bulan November. Penggal 2 bermula pada tahun berikutnya iaitu pada bulan Januari hingga bulan Mei dan penggal 3 bermula pada bulan Jun hingga bulan November. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya mengeluarkan surat tawaran kepada pelajar lepasan SPM yang layak untuk meneruskan pengajian di Tingkatan Enam kepada dua aliran utama iaitu aliran Sains dan aliran Sains Sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Subjek sains sukan telah diperkenalkan dalam pendidikan Tingkatan Enam pada tahun 2005 dan dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2006. Pada tahun 2012, perubahan sukatan telah dilakukan bagi meningkatkan kualiti serta keperluan dalam pembelajaran terhadap pelajar yang mengambil subjek ini melalui sistem modular (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Mata pelajaran sains sukan merupakan salah satu daripada ilmu akademik yang mengaplikasikan disiplin sains dalam mengkaji pergerakan manusia yang terlibat secara langsung dalam aktiviti fizikal atau aktiviti sukan. Sains sukan kini telah menjadi satu mata pelajaran dalam kurikulum dalam pendidikan di negara ini dan ditawarkan kepada pelajar atau atlet yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan dan ingin meningkatkan prestasi dalam sukan. (Julismah Jani, Ong Kuan Boon, Mohd Sani Madon, Hishamuddin Ahmad, Nur Haziyaniti Mohamad Khalid dan Yusof Ahmad, 2010).

Pelajar Tingkatan Enam yang memilih subjek sains sukan ini akan di dedahkan dengan disiplin sains sukan yang meliputi sosiologi sukan, pengurusan sukan, kesenggangan dan rekreasi, pemakanan sukan pada penggal 1. Disiplin anatomi dan fisiologi dan kecergasan fizikal dan kesejahteraan pula akan didedahkan pada penggal 2. Manakala disiplin psikologi sukan, kejurulatihan sukan, lakuan motor dan kecederaan sukan pada penggal 3 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Menurut Norlena Salamuddin dan Mohd Taib Harun, (2003), pelajar yang ingin menyambung pengajian dalam bidang sains sukan perlu menguasai pengetahuan isi kandungan subjek sains sukan terlebih dahulu. Pengetahuan isi kandungan subjek merujuk kepada penguasaan disiplin yang merangkumi mata pelajaran sains sukan seperti kecergasan fizikal, anatomi dan fisiologi dan beberapa disiplin lain seperti yang dinyatakan di atas.

Subjek pendidikan jasmani yang dipelajari oleh pelajar di sekolah adalah merangkumi 8 aspek berikut iaitu, perkembangan motor, anatomi kinesiological, biomekanik, fisiologi latihan, kesihatan, pedagogi sukan, psikologi sukan serta perkembangan dan kawalan motor (Lawson & Placek, 1996). Namun begitu, walaupun tidak dinyatakan secara terperinci akan disiplin-disiplin ini, jelas menunjukkan bahawa disiplin ilmu ini telah diterapkan dalam tunjang pembelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan di Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Penekanan yang diberikan ke atas subjek pendidikan jasmani semasa di sekolah sahaja yang menjadi persoalan memandangkan subjek itu tidak mempunyai proses pengukuran, pengujian dan penilaian di peringkat pusat. Seandainya proses pengujian dilakukan, mungkin ada di sekolah-sekolah tertentu sahaja memandangkan tiada proses pengukuran kognitif yang tekal diwujudkan.

2.0 LATAR BELAKANG / KAJIAN LAMPAU

Pelajar baru yang menjejaki ke Tingkatan Enam akan diberi pilihan berdasarkan kepada minat pelajar tersebut untuk memilih jurusan yang mereka minati. Ini bermaksud pelajar baru diberi pilihan untuk memilih bidang yang mereka suka atau minat tanpa perlu melalui apa-apa mekanisme pemilihan yang ditetapkan. Menurut Hanifah Mahat, Paulin Chang Poh Ling, Nasir Nayan, Mohmadisa Hashim dan Yazid Saleh (2017), minat tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar dan mendapati sekiranya pelajar tersebut mempunyai minat terhadap sesuatu subjek, ini tidak bermakna minat pelajar tersebut akan mempengaruhi pencapaian dalam pembelajarannya.

Kajian oleh Tan Peng Jeng (2006), menunjukkan bahawa pelajar yang mengambil subjek pengetahuan sains sukan Tingkatan Empat hanya memperoleh keputusan pada tahap lulus sahaja. Penyelidik telah menggunakan instrumen soalan akhir tahun untuk mengenal pasti pencapaian pelajar tersebut. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan di tiga sekolah daripada enam buah sekolah di negeri Kedah, seramai 148 pelajar sains sukan telah mengambil jurusan sains sukan antara tahun 2013 hingga 2015. Daripada jumlah ini hanya 13 orang sahaja atau 7.7% mampu menyambung pengajian dalam bidang sains sukan di universiti tempatan.

Subjek sains sukan Tingkatan Enam mempunyai sukatan yang melibatkan amali fizikal dan kandungan sukatan yang mengaplikasikan disiplin sains (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Disiplin ini agak sukar bagi pelajar yang kurang mempunyai asas dalam sains sukan ini. Walau pun subjek ini sebagai kesinambungan pembelajaran di peringkat SPM iaitu pengetahuan asas sains sukan, namun di peringkat Tingkatan Enam jurusan ini terbuka kepada mana-mana pelajar sama ada yang mempunyai asas atau tidak untuk memilih dan bergantung kepada pihak sekolah sama ada menawarkan atau tidak. Buat masa ini tidak ada syarat khusus yang dikenakan kepada pelajar sekiranya ingin mengambil subjek tersebut.

Justeru itu, penyelidik ingin mengenal pasti pencapaian pelajar sains sukan ini bagi menentukan tahap penguasaan mereka terhadap pengetahuan asas sains sukan sebelum mereka mempelajari dengan lebih mendalam. Menurut Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Nurulhuda Hasan dan Mahat Afifi (2012), menjelaskan bahawa pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi perlu menguasai ilmu konten terlebih dahulu.

Pembahagian kelas atau pakej subjek ditetapkan di peringkat sekolah. Terdapat pelbagai kaedah yang diperkenalkan oleh pihak sekolah masing-masing dalam menentukan kelas-kelas atau pakej di Tingkatan Enam. Antaranya pelajar diberi pilihan berdasarkan minat untuk memilih pakej subjek yang akan mereka pelajari sepanjang berada di Tingkatan Enam. Buat masa ini tidak ada satu mekanisme yang tetap dalam membuat pemilihan pelajar ke pakej yang telah disediakan.

Pandangan Hanifah Mahat, Paulin Chang Poh Ling, Nasir Nayan, Mohmadisa Hashim dan Yazid Saleh (2017), menyatakan pelajar yang tidak mempunyai sikap positif terhadap sesuatu mata pelajaran akan mempunyai masalah untuk mencapai kejayaan dalam mata pelajaran tersebut. Maka atas faktor ini, penyelidik cuba untuk melihat sejauh mana tahap pencapaian pelajar yang memilih kelas atau pakej sains sukan di Tingkatan Enam. Adakah wajar diwujudkan satu mekanisme baru yang lebih baik untuk menilai tahap pelajar sebelum diberikan menjurus kepada bidang yang mereka harus ceburi.

2.1 Objektif

- i. Mengetahui tahap penguasaan pengetahuan asas konten sains sukan dalam kalangan pelajar sains sukan Tingkatan Enam Negeri Kedah.
- ii. Mengetahui perbezaan tahap penguasaan pengetahuan asas konten sains sukan dalam kalangan pelajar sains sukan Tingkatan Enam mengikut jantina.

2.2 Persoalan Kajian

- i. Adakah tahap penguasaan pengetahuan asas konten sains sukan dalam kalangan pelajar sains sukan Tingkatan Enam di Negeri Kedah.
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan pengetahuan asas konten sains sukan dalam kalangan pelajar sains sukan Tingkatan Enam mengikut jantina.

3.0 METODOLOGI

3.1 Rekabentuk kajian

Kajian kuantitatif ini berbentuk tinjauan deskriptif. Kajian berbentuk ini mampu untuk mendapatkan maklumat terus daripada responden dengan cepat (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016; Chua Yan Piaw, 2006; Sabitha Marican, 2006). Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penguasaan asas konten sains sukan pelajar sains sukan Tingkatan Enam. Kajian ini dijalankan menggunakan instrumen soalan objektif aneka pilihan yang telah disahkan oleh panel pakar seramai tiga orang yang telah dilantik.

3.2 Populasi dan Persampelan

Populasi ialah sekumpulan individu, keluarga, kumpulan, organisasi, komuniti, peristiwa yang ingin dikaji oleh penyelidik (Sabitha Marican, 2006). Manakala sampel ialah sebahagian daripada populasi yang ingin dikaji oleh penyelidik (Chua Yan Piaw, 2006). Populasi dalam kajian ini terdiri daripada semua pelajar sains sukan Tingkatan Enam yang baru di sekolah yang menawarkan subjek tersebut. Sekolah yang menawarkan subjek sains sukan di Tingkatan Enam di Negeri Kedah hanya enam buah sekolah yang terdiri daripada 100 orang pelajar sains sukan.

Penyelidik menggunakan kaedah persampelan rawak mudah untuk menentukan sampel kajian (Chua Yan Piaw, 2006; Sabitha Marican, 2006). Penyelidik telah memilih sampel di sebuah sekolah daripada enam buah di Negeri Kedah yang sekolah tersebut mempunyai 21 orang pelajar. Menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016), sekiranya populasi ramai maka dianggarkan sebanyak 10% sebagai sampel, manakala sekiranya populasi sedikit maka sampel sebanyak 20% diambil. Oleh itu melalui kajian ini penyelidik telah memilih sampel daripada sebuah sekolah yang dipilih secara rawak yang terdiri daripada 8 orang lelaki dan 13 orang pelajar perempuan. Rujuk jadual 1.

Jadual 1: Bilangan sampel pelajar Tingkatan Enam Sains Sukan berdasarkan jantina

Jantina	Bilangan pelajar (n)
Lelaki	8
Perempuan	13
Jumlah	21

3.3 Instrumen

Penyelidik menggunakan instrumen penilaian pengetahuan asas konten sains sukan yang dibangunkan berdasarkan kepada objektif dan sukatan pelajaran mata pelajaran sains sukan dan mempunyai kesahan kandungan oleh pakar bidang. Instrumen ini berbentuk soalan objektif aneka pilihan jawapan (Lacy, 2011; Baumgartner, Jackson, Mahar, & Rowe, 2007; Bhasah Abu Bakar, 2006). Instrumen ini akan digunakan untuk mengukur tahap kognitif pelajar baru yang memilih subjek sains sukan di Tingkatan Enam.

Instrumen ini mempunyai 40 soalan aneka pilihan jawapan yang dibahagikan kepada empat bidang utama iaitu bidang pengenalan sains sukan, anatomi dan fisiologi, kecergasan fizikal dan kejurulatihan sukan. Instrumen ini telah mendapat kesahan kandungan daripada tiga orang pakar dalam sains sukan dengan nilai purata kesahan $r = .93$. Menurut Ahmad Hashim (2004: 2015), kebolehpercayaan ujian bertulis

berdasarkan kepada bahan pengajaran dan unit-unit dalam objektif pengajaran. Nilai kebolehppercayaan instrumen ini menggunakan analisis *Kuder Richarson* (KR_{21}) ialah $r = .65$.

Penyelidik telah menjalankan analisis indeks kesukaran bagi purata keseluruhan 40 soalan pada $d = .60$. Menurut Lacy (2011) dan Baumgartner, Jackson, Mahar dan Rowe (2007), indeks kesukaran ini merujuk kepada pembahagian pelajar yang mampu menjawab soalan dengan tepat. Berdasarkan kepada dapatan indeks kesukaran, instrumen ini berada pada tahap yang baik iaitu tidak terlalu mudah dan tidak terlalu susah antara nilai .25 hingga .75 (Lacy, 2011; Baumgartner, Jackson, Mahar, & Rowe, 2007). Penyelidik memberikan instrumen ini di awal penggal satu iaitu ketika pelajar baru mendaftar dan dalam proses memilih kelas jurusan sains sukan.

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penyelidik telah menggunakan analisis statistik deskriptif dengan menggunakan min dan sisihan piawai bagi menganalisis data secara keseluruhan. Penentuan gred atau tahap dibuat berdasarkan kepada buku Pengukuran Kecergasan Motor, Ahmad Hashim, muka surat 77 (2004) dan Panduan Analisa Data Secara Efisien, Ahmad Hashim, muka surat 16 (2014).

4.1 Analisis dapatan kajian

Jadual 2 Analisis deskriptif tahap pengetahuan asas konten sains sukan Secara keseluruhan pelajar sains sukan Tingkatan Enam di negeri Kedah

Jantina	(n)	Min	SD
Lelaki	8	44.00	5.58
Perempuan	13	33.23	7.42

Jadual 2 menunjukkan keputusan statistik deskriptif bagi penguasaan pengetahuan asas konten sains sukan secara keseluruhan untuk pelajar lelaki dan perempuan sains sukan Tingkatan Enam bagi sebuah sekolah di negeri Kedah. Tahap penguasaan ini dibina menggunakan kaedah pemberian gred berdasarkan kepada min dan sisihan piawai (Ahmad Hashim, ms 77, 2004; ms 16, 2014). Skor min tahap pengetahuan asas konten sains sukan bagi 8 orang pelajar lelaki ialah 44.00 dan sisihan piawai ialah 5.58. Manakala skor min bagi 13 orang pelajar perempuan ialah 33.23 dan sisihan piawai ialah 7.42.

Jadual 3 Tahap penguasaan keseluruhan pengetahuan asas konten berdasarkan jantina.

Norma	Tahap	Jantina			
		Lelaki		Perempuan	
		Bil	%	Bil	%
54 dan ke atas	Cemerlang	0	0	0	0
45 – 53	Sangat Baik	5	62.5	1	7.7
32 – 44	Baik	3	32.5	7	53.8
22 – 31	Sederhana	0	0	5	38.5
21 dan ke bawah	Lemah	0	0	0	0
Jumlah		8	100	13	100

Jadual 3 menunjukkan tahap penguasaan keseluruhan pengetahuan asas konten Sains Sukan pelajar lelaki dinilai menggunakan norma yang dihasilkan oleh penyelidik. Analisis menunjukkan pelajar lelaki Sains Sukan Tingkatan Enam seramai 3 orang pelajar atau 32.5% berada pada tahap baik. 5 orang pelajar pada tahap sangat baik yang mewakili 62.5%. Tiada pelajar lelaki yang berjaya mencapai tahap cemerlang. Begitu juga tidak terdapat pelajar yang berada pada tahap lemah dan sederhana. Penguasaan keseluruhan pengetahuan asas konten Sains Sukan bagi pelajar lelaki sains sukan pada tahap baik hingga sangat baik adalah sebanyak 100%.

Manakala bagi pelajar perempuan menunjukkan tiada pelajar yang memperoleh tahap cemerlang. 1 orang pelajar dalam kalangan sampel berada pada tahap sangat baik atau 7.7%. Tahap baik pula diwakili oleh 7 orang pelajar atau 53.8% dan seramai 5 orang pelajar atau 38.5% mewakili tahap sederhana dan tiada pelajar berada pada tahap lemah.

Analisis menunjukkan bahawa pelajar perempuan Sains Sukan yang menguasai tahap baik hingga sangat baik adalah 8 orang atau 61.5% berbanding dengan pelajar perempuan yang menguasai pengetahuan asas konten pada tahap sederhana iaitu 5 orang pelajar daripada jumlah keseluruhan sampel.

Jadual 4 Analisis inferensi ujian t sampel tidak bersandar antara pelajar lelaki dan perempuan

Jantina	N	Min	SD
Lelaki	8	44.00	5.58
Perempuan	13	33.23	7.42

	Ujian Levene's Persamaan varian		Persamaan min bagi ujian t		
	F	Sig.	t	df	Sig. (2 tailed)
Pengetahuan asas Konten sains sukan	1.150	.297	3.525	19	.002

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis inferensi ujian t sampel tidak bersandar antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan tahap pencapaian pengetahuan asas konten sains sukan secara keseluruhan. Analisis ujian t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min tahap pencapaian pengetahuan asas konten sains sukan secara keseluruhan antara pelajar lelaki dan perempuan sains sukan Tingkatan Enam. ujian menunjukkan nilai $t(49) = 3.153$, $p = .003$, $p < 0.05$ adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian pengetahuan asas konten sains sukan secara keseluruhan di antara pelajar lelaki ($M = 45.33$, $SD = 7.51$) dengan pelajar perempuan sains sukan Tingkatan Enam ($M = 37.68$, $SD = 9.42$).

4.2 Perbincangan

Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan sains sukan Tingkatan Enam bagi tahap pencapaian pengetahuan asas konten sains sukan. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan tahap pencapaian pengetahuan asas konten antara pelajar lelaki dan perempuan sains sukan secara keseluruhan. Hasil kajian ini

menunjukkan bahawa ramai pelajar masih berada pada tahap yang baik sama ada pelajar lelaki atau perempuan. Tidak ada seorang pelajar pun sama ada dalam kalangan pelajar lelaki mahu pun perempuan yang mencapai tahap cemerlang. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Junaidy Mohamad Hashim (2014), menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan bagi major Pendidikan Jasmani di Institut Pendidikan Guru terhadap penguasaan konten sains sukan dan menunjukkan faktor jantina mempengaruhi tahap persediaan pelajar terhadap ilmu konten berdasarkan kepada kecerdasannya.

Bagi pelajar yang memilih untuk meneruskan pengajian dalam jurusan sains sukan perlu kiranya membuat persiapan dan persediaan yang rapi dari aspek akademik. Sistem pendidikan di Tingkatan Enam amat berbeza berbanding dengan pendidikan di aliran perdana. Kajian ini menunjukkan persediaan awal yang baik adalah faktor utama bagi menghasilkan proses pembelajaran yang berkualiti dan berkesan. Dapatan penyelidik membuktikan dapatan (Schempp, 2003), iaitu persediaan awal dan perancangan yang baik merupakan kunci mencapai objektif dan matlamat dan mampu untuk meningkatkan kualiti.

Penguasaan ilmu konten ini perlu diberikan penumpuan awal sebelum pelajar ini diberi pilihan untuk memilih bidang yang mereka minati dalam jurusan atau pakej yang disediakan di Tingkatan Enam. Penguasaan konten yang baik akan memudahkan pelajar untuk menguasai ilmu yang berkaitan yang lebih mendalam. Bertepatan dengan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Nurulhuda Hasan dan Mahat Afifi (2012), menjelaskan bahawa pelajar perlu untuk menguasai ilmu konten ini sebelum mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi supaya penguasaan mereka akan menjadi lebih baik dan mendalam.

Penekanan dalam menggunakan ujian ini sebagai satu alat untuk memilih pelajar ke jurusan sains sukan perlu dilaksanakan bagi memberi motivasi kepada pelajar agar sentiasa bersedia sebelum memilih jurusan yang mereka akan mereka ceburi dalam pengajian di Tingkatan Enam. Pelajar yang berkualiti juga mampu dilahirkan melalui proses pemilihan ini yang tidak pernah diguna pakai oleh mana-mana sekolah di negara ini. Adalah wajar pihak KPM melalui Majlis Peperiksaan Malaysia atau Bahagian Sekolah menguatkuasakan mekanisme ini agar pelajar di Tingkatan Enam lebih menjurus kepada bidang yang layak mereka ceburi.

5.0 KESIMPULAN

Keseluruhan kajian ini telah menghasilkan maklumat-maklumat yang penting berkaitan tahap pencapaian pengetahuan asas konten pelajar sains sukan Tingkatan Enam di Negeri Kedah. Berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik mencadangkan supaya ujian pengetahuan asas konten sains sukan dan standard pencapaian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada guru di sekolah Tingkatan Enam khususnya yang menawarkan subjek sains sukan di negeri Kedah sebagai inisiatif dalam membantu pelajar bagi menentukan pilihan yang sepatutnya bagi mereka.

Penilaian pengetahuan asas konten dalam kalangan pelajar sains sukan Tingkatan Enam tidak pernah dibuat kepada pelajar sains sukan Tingkatan Enam di negara ini. Kajian ini merupakan satu langkah untuk memastikan adakah pelajar yang memilih jurusan ini di Tingkatan Enam mampu menguasai ilmu asas konten berkaitan subjek sains sukan. Penguasaan ilmu ini akan membantu pelajar meneruskan pengajian dengan lebih baik semasa di Tingkatan Enam dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Langkah ini bertepatan dengan Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2015), menyatakan bahawa melalui pembelajaran di Tingkatan Enam mampu menghasilkan bakal pelajar universiti yang berkualiti, berbakat, berkaliber dan bersedia menghadapi rintangan dan cabaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Rujukan

- Ahmad Hashim. (2004). *Pengukuran Kecergasan Motor*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Ahmad Hashim. (2014). *Panduan Analisis Data Secara Efisien* (1st Ed.). Bandar Baru Bangi: Dubook Press Sdn Bhd.
- Ahmad Hashim. (2015). *Pengujian Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Jasmani* (1st Ed.). Bandar Baru Bangi: Dubook Press Sdn Bhd.
- Baumgartner, T. A., Jackson, A. S., Mahar, M. T., & Rowe, D. A. (2007). *Measurement for Evaluation in Physical Education and Exercise Science* (8th Ed.). New York: McGraw Hill.
- Bhasah Abu Bakar. (2006). *Pengujian, Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hanifah Mahat, Paulin Chang Poh Ling, Nasir Nayan, Mohmadisa Hashim, & Yazid Saleh. (2017). Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Geografi Sekolah Menengah di Sabah - Analisis Awal. *Sains Humanika*, 2, 1–7. Retrieved from www.sainshumanika.utm.my
- Julismah Jani, Ong Kuan Boon, Mohd Sani Madon, Hishamuddin Ahmad, Nur Haziyan Mohamad Khalid, & Yusof Ahmad. (2010). *Reka Bentuk Pentaksiran Alternatif Dalam Mata Pelajaran Sains Sukan Di Sekolah Menengah Malaysia*. Tanjung Malim.
- Junaidy Mohamad Hashim. (2014). *Kesediaan Bakal Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Pengetahuan dan Kefahaman Berdasarkan Model Standard Guru Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidy Mohamad Hashim, Syed Ahmad Ezahar Syed Ambon, Mohd Foazi Md Nor, & Saidil Mazlan Abdul Razak. (2017). Hubungan Antara Masa Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP). In *Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan IPGKDRI* (pp. 1–16).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Tingkatan Enam. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/index.php/my/tingkatan-enam>
- Lacy, A. C. (2011). *Measurement & Evaluation in Physical Education and Exercise Science* (6th Ed.). San Francisco: Pearson Benjamin Cummings.
- Lawson, H. A., & Placek, J. (1996). *Physical Education Curricular Alternatives*. Boston: Allyn Bacon: Boston.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). Sukatan Pelajaran Sains Sukan. *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Retrieved from <http://portal.mpm.edu.my/documents/10156/aa6ac2e0-2e45-4255-8d0d-700f3f254804>
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Nurulhuda Hasan, & Mahat Afifi. (2012). Pengetahuan Pedagogi Isi

- Kandungan (PPIK) Pengajaran Bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, 2012(1987), 225–235.
- Norlena Salamuddin & Mohd Taib Harun. (2003). Penguasaan pengetahuan isi kandungan subjek: Implikasi kepada pendidikan pelajar program sukan dan rekreasi UKM. In *Seminar papers IPGBL*. Retrieved from <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2003/lenaUKMkk.pdf>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Kuala Lumpur.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn Bhd.
- Schempp, P. G. (2003). *Teaching Sport And Physical Activity: Insight on the Road to Excellence*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Tan Peng Jeng. (2006). *Hubungan Antara Indeks Jisim Badan, Kecergasan Fizikal dan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar Elektif Sains Sukan*. Tesis Sarjana: Universiti Malaysia Sabah.
- Tang Keow Ngang, & Tham Yoke Mei. (2014). Penjenamaan Semua Sistem Pentadbiran Tingkatan Enam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(2), 52–60.